

## PELAKSANAAN PEMELIHARAAN AGAMA (*HIFZ AL-DIN*) OLEH INSTITUSI PEMBIAYAAN MIKRO ISLAM DI MALAYSIA

Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi<sup>i</sup>, Muhamad Firdaus Ab Rahman<sup>ii</sup>, Azman Ab Rahman<sup>iii</sup>,  
Ahmad Zaki Salleh<sup>iv</sup>, Mohd Mahyeddin Mohd Salleh<sup>v</sup>

<sup>i</sup> (Penulis Koresponden). Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam  
Malaysia. [hussein@usim.edu.my](mailto:hussein@usim.edu.my).

<sup>ii</sup> Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.  
[mfirdaus.rahman@usim.edu.my](mailto:mfirdaus.rahman@usim.edu.my)

<sup>iii</sup> Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.  
[azman@usim.edu.my](mailto:azman@usim.edu.my)

<sup>iv</sup> Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.  
[ahmadzaki@usim.edu.my](mailto:ahmadzaki@usim.edu.my)

<sup>v</sup> Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.  
[mahyeddin@usim.edu.my](mailto:mahyeddin@usim.edu.my)

### Abstrak

*Pembiayaan mikro Islam memfokuskan untuk memberikan akses pembiayaan patuh Syariah kepada golongan miskin untuk terlibat dalam aktiviti yang menjana keuntungan agar mereka mampu keluar dari garis kemiskinan. Walau bagaimanapun, beberapa pengkaji seperti Obaidullah & Khan (2008) mendapati bahawa kawal selia kepatuhan Syariah dalam pembiayaan mikro Islam masih lemah. Hifz al-din (pemeliharaan agama) merupakan maqasid yang dianggap penting dalam tadbir urus kewangan Islam. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji pelaksanaan hifz al-din dalam pembiayaan mikro Islam di Malaysia. Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dipilih sebagai studi kes kerana ia merupakan institusi pembiayaan mikro Islam terbesar di Asia. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah temubual separa struktur bagi mengumpul data. Data dianalisis secara tematik, induktif dan deduktif untuk mendapatkan tema-tema yang relevan. Hasil kajian mendapati beberapa medium digunakan untuk melaksanakan hifz al-din antaranya menawarkan produk patuh Syariah dan menganjurkan aktiviti keagamaan. Kajian ini menawarkan kaedah yang praktikal untuk pencapaian hifz al-din yang boleh dimanfaatkan oleh para pengkaji dan pengamal industri pembiayaan mikro Islam.*

**Kata kunci:** *Pembiayaan mikro Islam, Amanah Ikhtiar Malaysia, hifz al-din, maqasid Syariah*

### PENDAHULUAN

Konsep Pembiayaan mikro perlu difahami sebelum membahasnya dari sudut perlaksanaan. Beberapa para pengkaji telah cuba memberikan definisi terhadap pembiayaan mikro antaryam yang diusulkan oleh Otero (1999), Ledgerwood (2000), Kiiru (2007), Karlan dan Goldberg (2011), dan Hassan, Kayed, dan Oseni (2013). Walaupun terdapat perbezaan dalam definisi tersebut, Thaidi (2018)

berpendapat bahawa semuanya mengandungi idea dan inti pati (*substance*) yang sama dalam mentakrifkan pembiayaan mikro sebagai perkhidmatan pembiayaan berskala kecil, alat rangkuman kewangan, mengutamakan orang miskin, dan bertujuan untuk memperkasakan populasi miskin melalui keusahawanan.

Amalan memberikan pinjaman dalam jumlah yang kecil telah dilakukan sejak sekian lama dalam peradaban manusia. Namun pembiayaan mikro yang ditawarkan oleh sebuah institusi yang sistematik dan moden dipercayai bermula melalui penubuhan Mit Ghamr Savings Bank (MGSB) pada tahun 1963. Mikro Islam dan moden dipercayai bermula melalui penubuhan Mit Ghamr Savings Bank (MGSB) pada tahun 1963. (Mayer, 1985). Idea penubuhan bank yang berkonsepkan kewangan sosial ini hasil dari pengamatan al-Najjar terhadap sistem kewangan sosial Jerman. Menurut Al-Najjar, matlamat bank Islam ini adalah untuk menyokong objektif sosial bagi menangani isu kemiskinan di negara-negara Islam (Mayer, 1985).

Terdapat empat peranan utama MGSB dalam melaksanakan misi kewangan sosial (Mayer, 1985) iaitu: (i) mendorong warga luar bandar dan miskin untuk terlibat dalam keusahawanan melalui pinjaman berskala kecil; (ii) menyediakan program perundingan dan sokongan untuk meningkatkan perusahaan pelanggan; (iii) menggalakkan rangkuman kewangan; dan (iv) menerima pakai pendekatan berasaskan kumpulan untuk mewujudkan cagaran sosial sebagai pengganti cagaran aset.

Dua kesimpulan dapat dibuat daripada penubuhan MGSB. Pertama, MGSB adalah institusi pembiayaan mikro Islam, walaupun pada hakikatnya ia tidak secara rasmi dikategorikan sebagai institusi pembiayaan mikro. Justeru, boleh disimpulkan MGSB adalah institusi pembiayaan mikro moden dan formal pertama di dunia. Kedua, ini memperlihatkan ketidakmampuan amalan perbankan Islam moden untuk mencapai objektif asalnya iaitu untuk memperkasakan umat Islam khususnya golongan miskin. Ini berlaku kerana orientasi perniagaan bank Islam dewasa ini sudah berorientasikan kepada penciptaan keuntungan dengan alasan ia adalah entiti perniagaan bukan kebajikan.

Pada tahun 1983, seorang ahli ekonomi terkemuka bernama Muhammad Yunus telah menubuhkan Grameen Bank di Bangladesh. Ironinya, struktur Grameen Bank sangat mirip dengan struktur MGSB, yang ditubuhkan sekitar 20 tahun sebelum Grameen Bank. Banyak penemuan empirikal menunjukkan bahawa sistem Grameen Bank mempunyai impak signifikan terhadap pembasmian kemiskinan (Bhuiyan, Siwar, Ismail, & Omar, 2017; Habib & Jubb, 2015).

Kejayaan Grameen Bank ini mencetuskan kesedaran dalam kalangan pemikir Islam akan perlunya sebuah model pembiayaan mikro yang bersifat Islamik bagi

mengatasi masalah kemiskinan di negara-negara berpopulasi majoriti Muslim (Hassan et al., 2013). Oleh itu, sejarah perkembangan kewangan Islam menyaksikan tertubuhnya beberapa institusi/program pembiayaan mikro Islam antaranya Akhuwat di Pakistan (ditubuhkan pada tahun 2001), Program Pembiayaan Mikro Hodeideh di Yaman (ditubuhkan pada tahun 1997), dan Skim Pembangunan Luar Bandar (RDS) di Bangladesh (ditubuhkan pada tahun 1995) adalah pembiayaan mikro Islam yang terkenal pada hari ini (Hassan et al., 2013).

Sungguhpun sektor pembiayaan mikro Islam semakin pesat, semakin banyak pihak yang menimbulkan persoalan dari sudut ketelusan dan kepatuhan Syariah (Khavul, 2010). Walaupun pembiayaan mikro Islam mendakwa bahawa mereka menyediakan produk pembiayaan patuh Syariah, masih kurang jelas bagaimana dan setakat mana mereka mencapai tujuan yang dikehendaki Syarak (*maqasid Syariah*). Sekiranya *maqasid* ini tidak tercapai, ia akan melemahkan kredibiliti pembiayaan mikro Islam, menimbulkan keraguan masyarakat, dan berpotensi untuk menghalangi pencapaian objektif sosial (Hasan, 2016).

## **ORIENTASI PEMBIAYAAN MIKRO ISLAM DI MALAYSIA**

Pembiayaan mikro akan kekal signifikan selagi kemiskinan wujud, terutamanya dalam kalangan masyarakat Islam yang dikatakan mempunyai kadar kemiskinan tertinggi di dunia dan kadar ini semakin meningkat (Walters, 2012). Ini ditambah pula dengan realiti pelaksanaan pembiayaan mikro arus perdana (konvensional) yang tidak mampu untuk mencapai kesemua demografi sasarannya, khususnya populasi muslim. Hal ini disebabkan oleh perkhidmatan konvensional yang berasaskan faedah (*riba*) yang jelas diharamkan (Maulana, Razak, & Adeyemi, 2018; Shubber, 2011). Justeru, penawaran pembiayaan mikro tanpa faedah amat dinanti-nanti bagi memenuhi permintaan masyarakat Islam yang miskin.

Kajian menunjukkan bahawa Malaysia adalah antara pengamal pembiayaan mikro Islam paling berpengalaman di dunia (Kazemian, Rahman, & Ibrahim, 2014). Terdapat dua jenis pembiayaan mikro Islam di Malaysia: tidak berorientasikan kemiskinan dan berorientasikan kemiskinan. Jenis pertama kebanyakannya ditawarkan oleh institusi kewangan komersial seperti institusi perbankan dan koperasi Islam. Tujuh institusi kewangan komersial yang kini menyediakan pembiayaan mikro Islam di Malaysia adalah Angkasa Sharah Financing Cooperative (KOPSYA), Bank Muamalat, Bank Rakyat, Alliance Bank, CIMB Islamic, Maybank Islamic, dan EONCap Islamic. Institusi-institusi ini disebut sebagai "tidak berorientasikan kemiskinan" kerana mereka memprioritikan penciptaan keuntungan daripada mencapai objektif sosial (Thaidi, 2018).

Walaupun mendakwa menawarkan pembiayaan mikro Islam, institusi kewangan jenis ini nampaknya cuba menghindari populasi sasaran utama iaitu golongan miskin, lebih-lebih lagi miskin tegar (Saad & Anuar, 2010). Selain itu, terdapat sebuah institusi pembiayaan mikro Islam di Malaysia yang bersifat "berorientasikan kemiskinan". Hingga kajian ini dibuat, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) adalah satu-satunya pembiayaan mikro Islam di Malaysia yang dilengkapi dengan sistem kepatuhan Syariah yang tersusun. Di samping itu, ia disifatkan sebagai institusi pembiayaan mikro paling sistematik, paling berpengalaman, menawarkan pembiayaan mikro terbesar, serta paling komited dalam memperkasakan golongan miskin di Malaysia (Kazemian et al., 2014; Mason et al., 2015). Justeru, atas alasan-alasan ini, AIM dipilih sebagai studi kes untuk kajian ini.

## KONSEP DAN DIMENSI *HIFZ AL-DIN* DALAM MENDEPANI KRISIS KEMISKINAN

Kunci untuk memahami prinsip-prinsip Syariah adalah dengan menganalisisnya dari perspektif objektif (*maqasid*) ia diwujudkan (Rosly, 2010). Pemahaman seperti ini sesuai dengan penegasan yang dibuat oleh al-Juwaynī (1997):

*"Dan barangsiapa yang tidak memahami kewujudan maqasid dalam sesuatu perintah dan larangan yang telah ditetapkan oleh Syarak, maka dia tidak akan memiliki pengetahuan yang mendalam terhadap Syariah"*

(Abū Ma'ālī al-Juwaynī, 1997, h. 101)

Pada zaman moden ini, prinsip-prinsip maqasid syariah telah menjadi sesuatu yang sangat penting, dan ianya berfungsi dalam menyediakan asas pelaksanaan untuk keseluruhan gagasan pembiayaan Islam dan panduan operasinya. Syariah menganggap perniagaan dan transaksi kewangan adalah sebahagian daripada komponen pentingnya. Justeru, pencapaian *maqasid* Syariah diperlukan untuk memastikan amalan kewangan Islam sebagai kerangka yang dapat meningkatkan kualiti kesejahteraan (*maslahah*) umat manusia (Akram Laldin & Furqani, 2013; Thaidi, 2018).

Kaedah peruntukan peraturan dan hukum dalam al-Quran dan Sunnah keduanya berkisar pada satu paksi yang sama iaitu, kesemuanya disyariatkan demi mencapai kemaslahatan dan kebaikan manusia sama ada di dunia atau akhirat. Kemaslahatan ini dapat dibahagikan kepada tiga tahap (al-Āmidī, 2003; al-Shātibī, 2011) iaitu: *al-daruriyyah* (keperluan yang mana sistem kehidupan normal manusiawi memerlukan dan bergantung kepadanya), *al-hajiyyah* (perkara yang diperlukan oleh manusia yang dapat mendatangkan kemudahan dan menghilangkan kesukaran), dan *al-tahsiniyyah* (perkara-perkara yang menyempurnakan dan mencantikkan urusan manusia). Tahap yang pertama dibahagikan kepada lima

kategori iaitu: pemeliharaan agama (*ḥifẓ al-dīn*), kehidupan (*ḥifẓ al-nafs*), intelek (*ḥifẓ al-ʿaql*), kemewahan (*ḥifẓ al-māl*), dan keturunan (*ḥifẓ al-nasl*). Lima asas ini berakar daripada Al-Quran dan dihuraikan dalam Sunnah. Al-Quran memasukkannya sebagai asas untuk kita bergantung, sedangkan Sunnah pula memasukkannya dalam bentuk pencabangan dan penjelasan (al-Raysūnī, 2015).

Dalam karyanya *al-Mustaṣfā*, al-Ghazālī (2015) dikatakan sebagai yang pertama mengatur elemen *al-daruriyyah* ke dalam lima kategori tersebut. Para sarjana Muslim sepakat bahawa Islam telah datang untuk melindungi kategori-kategori ini, dan telah menjadi dimensi utama dalam maqasid Syariah. Pemeliharaan agama berada di kedudukan pertama dan paling utama antara lima kategori tersebut (al-Āmidī, 2003; al-Ghazālī, 2015; al-Shāṭibī, 2011). Berkenaan dengan dimensi pemeliharaan agama, Ibnu ʿAshūr (2016) menjelaskan seperti berikut:

*"Pemeliharaan agama bermaksud menyelamatkan iman setiap individu Muslim daripada terpengaruh dengan apa-apa perkara yang boleh merosakkan dan mengelirukan kepercayaannya dan memutarbelitkan tingkah laku berdasarkan perkara tersebut. Bagi masyarakat secara umum pula, pemeliharaan agama bermaksud mencegah apa-apa yang berkemungkinan akan melanggar dan memusnahkan asas-asasnya, yang meliputi mempertahankan tanah dan kedaulatan umat Islam dan melindungi kaedah pembelajaran dan pendidikan Islam dalam kalangan generasi umat Islam sekarang dan akan datang."*

(Ibnu ʿAshūr, 2016)

Dimensi 'pemeliharaan' atau 'ḥifẓ' yang dinyatakan di atas bersifat umum merangkumi apa-apa kaedah pemeliharaan daripada elemen yang menjejaskan, merosakkan, atau membingungkan kepercayaan agama seseorang. Dalam konteks pembiayaan mikro Islam, dimensinya difokuskan kepada kemiskinan yang berpotensi untuk mengancam kepercayaan agama seseorang Muslim sehingga boleh mengakibatkan pegangan mereka goyah dan songsang. Berdasarkan kajian sejarahnya yang luas, Toynbee (1958) telah menyimpulkan bahawa tingkah laku moral yang baik dan kesejahteraan masyarakat sukar didefinisikan tanpa mengambil kira nilai moral yang ditentukan oleh agama. Islam adalah agama yang merangkumi semua aspek tingkah laku moral dan sosial sebagai paradigma yang lengkap bagi manusia. Hal ini telah ditekankan dalam al-Quran:

*"Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama kamu."*

(Al-Mā'idah 5: 3)

Selain memberikan sistem kehidupan yang lengkap, Allah memerintahkan manusia untuk mematuhi sistem ini dengan semangat:

*"Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menuruti jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraikan kamu dari jalan Allah."*

(Al-An'ām 6: 153)

Perintah untuk mempraktikkan agama menunjukkan bahawa ia mesti dipelihara. Memandangkan mustahaknya agama, Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi Hak Asasi Manusia (UNHCR) baru-baru ini telah mengiktiraf agama sebagai hak asasi manusia dan mendesak perlembagaan serta undang-undang domestik untuk menjamin kebebasan beragama ke atas setiap orang tanpa sebarang perbezaan dan penindasan (Bielefeldt, 2015; Jahangir, 2010). Isu kemiskinan turut mempunyai hubung jalin dengan pegangan agama seseorang. Contohnya, Al-Quran menggesa umat Islam untuk menolong orang yang memerlukan dengan memenuhi keperluan mereka:

*"Dan berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau"*

(Al-Isrā' 17: 26)

Pada ayat yang lain, Allah juga telah berfirman:

*"Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta)."*

(Aal-Dhāriyyāt 51: 19)

Sebagai gantinya, umat Islam yang mengabaikan memberi makan kepada orang miskin, digelar oleh al-Quran sebagai 'orang yang mendustakan agama':

*"Tahukah engkau akan orang yang mendustakan agama (meliputi hari pembalasan)? Orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim, Dan ia tidak menggalakkan untuk memberi makanan yang berhak diterima oleh orang miskin."*

(Al-Mā'ūn 107: 1-3)

Menurut kaca mata Islam, kemiskinan adalah suatu penyeksaan bagi manusia. Pada zaman Jahiliyyah, kemiskinan juga telah mendorong kepada pembunuhan bayi. Oleh kerana itu, Allah telah berfirman:

*"Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kemiskinan; Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan yang besar."*

(Al-Isrā' 17: 31)

Dalam sebuah hadis, Nabi Muhammad (SAW) menggesa umat Islam untuk berlindung dari kemiskinan:

*Dari Abu Hurairah (RA.) bahwa Nabi (SAW) pernah berdoa: Ya Allah aku berlindung kepada-Mu dari kemiskinan, kekurangan dan kehinaan dan aku berlindung kepada-Mu dari aku menzalimi atau dizalimi).*

(Abu Dāud (2013)

Menurut al-Nawāwī (2010), 'berlindung dari kemiskinan' dalam hadis di atas membawa dua maksud iaitu, kemiskinan tegar ataupun kemiskinan jiwa. Kemiskinan tegar ialah ketidakmampuan seseorang untuk menanggung beban hidup sehingga memaksanya untuk mengemis, merendahkan darjat dirinya di hadapan orang lain, hingga ke tahap boleh merosakkan maruah diri untuk mendapatkan sesuatu demi menjaga kelangsungan hidup (al-Qurtūbī, 1996). Adapun bagi kemiskinan jiwa pula bermaksud berlindung daripada jiwa yang terlalu sibuk mengumpul kekayaan, serta daripada perkara yang boleh mendatangkan kekufuran terhadap nikmat kemewahan dan lalai daripada mengingati Allah (al-Qurtūbī, 1996).

Perbincangan di atas menunjukkan bagaimana Islam memandang kemiskinan secara negatif. Hasilnya, Islam mensyariatkan pelbagai instrumen untuk membasmi kemiskinan dan mewajibkan umat Islam yang mempunyai lebihan harta (surplus) untuk menolong orang miskin (defisit). Menurut sarjana Muslim, kemiskinan adalah suatu ancaman kepada agama. Beberapa kajian mendapati bahawa kemiskinan, terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar, mempunyai pengaruh yang besar ke atas murtad dan kufur (Hussain & Shirazi, 1995; Mazibisa, 2013). Ia disokong oleh dapatan Mohd. Yusof et al. (2008) yang mengkaji tentang bahawa sebahagian responden yang taat agama mengakui pernah cenderung untuk murtad setelah gagal melepaskan diri dari kemiskinan dan kemelesetan ekonomi.

## **METODOLOGI PENYELIDIKAN**

Kajian kualitatif menawarkan data primer dikumpulkan melalui temubual separa struktur. Temubual secara bersemuka ini dilakukan dengan pegawai AIM untuk mengumpulkan pandangan dan perspektif mereka mengenai kaedah pencapaian *maqasid Syariah* dalam pembiayaan mikro Islam. Strategi persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan untuk mencari informan yang tepat. Seorang

penasihat Syariah (IV1) dan seorang pengurus cawangan dipilih sebagai informan. Data kualitatif yang dikumpulkan dalam kajian ini telah dianalisis secara tematik.

## HASIL KAJIAN

Hasil temubual menunjukkan dua kaedah utama digunakan di AIM bagi melaksanakan maqasid hifz al-din iaitu pematuhan Syariah dan aktiviti keagamaan. Penerangan lanjut adalah seperti berikut.

**Pematuhan Syariah:** Semua peserta temubual bersetuju bahawa produk pembiayaan mikro yang disediakan oleh AIM mampu mencapai *maqasid hifz al-din* melalui kaedah pematuhan Syariah. Ia dioperasikan dengan melantik Masjlis Penasihat Syariah (SC) untuk menjamin bahawa semua produk yang ditawarkan oleh institusi mematuhi piawaian dan prinsip Syariah. Untuk memastikan pematuhan Syariah dilaksanakan secara sistematik dan konsisten, SC dan pegawai Syariah telah merangka Manual Syariah untuk membantu kakitangan mereka dalam melaksanakan pembiayaan mikro. Jabatan Syariah turut ditubuhkan sebagai pusat kawal selia kepatuhan Syariah dan tempat rujukan isu-isu berkaitan Syariah. Sementara itu, responden menjelaskan bahawa ada pihak tertentu yang mendakwa bahawa AIM masih belum disahkan sebagai patuh Syariah disebabkan instrument *Tawarruq* yang dilaksanakan oleh AIM yang dilihat berorientasikan keuntungan. Isu ini mendapat perhatian para responden dan menyatakan bahawa prosedur *Tawarruq* yang dijalankan oleh AIM adalah patuh Syariah yang sama dengan apa yang diamalkan institusi kewangan Islam yang lain.

**Aktiviti keagamaan:** *Hifz al-din* juga turut dicapai melalui program berbentuk keagamaan yang dianjurkan oleh AIM kepada para pelanggan. Kesemua peserta temubual berpandangan bahawa para pelanggan AIM sentiasa digalakkan untuk menyertai dalam aktiviti-aktiviti keagamaan Islam yang dianjurkan. Tiga aspek yang cuba disentuh dalam program keagamaan yang dianjurkan iaitu pembangunan agama individu, sosial, dan rohani. Menurut IV2 dan IV3, kursus jenazah, tahlil, dan program penggalakan zakat, wakaf, dan sedekah adalah antara program yang dianjurkan untuk pembangunan sosial. Selanjutnya, IV3 dan IV4 menyatakan bahawa AIM telah menawarkan beberapa program keagamaan untuk pembangunan individu, seperti kursus bacaan Al-Quran dan kursus intensif solat. Walau bagaimanapun, responden menegaskan bahawa untuk mencapai *hifz al-din* dalam masyarakat secara lebih komprehensif, ia adalah tanggungjawab bersama semua agensi dan para agamawan. Mengenai perkembangan aspek rohani, hasil temubual menunjukkan bahawa ada sesi ikrar wajib dalam perjumpaan mingguan di kalangan pelanggan yang menekankan aspek pengawasan Allah dalam urusan perbelanjaan duit pembiayaan. Pembangunan rohani ditambah dengan aktiviti mesyuarat mingguan yang akan bermula dan berakhir dengan zikir dan selawat.

## KESIMPULAN

Amalan pembiayaan mikro Islam di AIM menunjukkan bahawa beberapa inisiatif telah dilakukan untuk mencapai *maqasid hifz al-din*. Penawaran produk patuh Syariah dianggap sebagai inisiatif utama dalam mencapai Hasrat ini. Di samping itu aktiviti dan program keagamaan turut menjadi wasilah yang berkesan untuk mencapai *hifz al-din* dalam konteks amalan pembiayaan mikro Islam. Justeru, boleh disimpulkan bahawa pihak AIM telah berusaha sedaya upaya untuk mencapai *hifz al-din*. Diharapkan kajian ini boleh dijadikan rujukan bagi agensi berkaitan pemerkasaan populasi miskin dalam usaha untuk memperkasakan pencapaian *maqasid Syariah* secara amnya.

## PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) (kod penyelidikan: FRGS/1/2020/SSI0/USIM/02/9) dari Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

## RUJUKAN

- Abu Dāud, S. A. A. (2013). *Sunan Abī Dāwud* (Sunt. Y. Hasan, I. Dalli, & I. al-Tiyar. 1 ed.). Damsyik: Mu'asasat al-Risalah.
- Abū Ma'ālī al-Juwaynī, A. M. A. Y. (1997). *al-Burhān fī Usūl al-Fiqh* (Sunt. S. Muhammad. Ed. 1. Jil. 1). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Akram Laldin, M., & Furqani, H. (2013). Developing Islamic finance in the framework of maqasid al-Shari'ah. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 6(4), 278-289. doi:10.1108/IMEFM-05-2013-0057
- al-Āmidī, A. M. (2003). *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām* (Sunt. A. R. Afifi. Ed. 1. Jil. 3). Riyadh: Dar al-Ṣami'i.
- al-Baihaqī, A. A. H. (2003). *Shu'ab al-Imān* (Sunt. A. A. A. H. Hamid & M. A. al-Nadwi. Ed. 1. Jil. 9). Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- al-Ghazālī, M. M. (2015). *al-Mustasfā min 'Ilmi al-Uṣūl* (Sunt. M. S. al-Ashqar. Ed. 1. Jil. 1). Beirut: Mu'asasat al-Risalah Nasyirun.
- al-Munāwī, M. A. R. T. A. (1938). *Fayḍ Al-Qadīr Sharḥ Al-Jāmi' Al-Ṣaghīr* (Ed. 1. Jil. 4). Mesir: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- al-Munāwī, M. A. R. T. A. (1988). *al-Taysīr bi-Sharḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr* (Ed. 3. Jil. 2). Riyadh: Maktabah al-Imam al-Shafi'i.

- al-Nasa'ī, A. S. (2001). *al-Sunan al-Kubrā* (Sunt. H. A. M. Syalbi & S. al-Arnauth. Ed. 1. Jil. 7). Beirut: Muasasat al-Risalah.
- al-Nawāwī, Y. S. (2010). *al-Minhāj Sharah Şahīh Muslim bin al-Ḥajjāj* (Sunt. M. Mara'ī. Ed. 1. Jil. 6). Damsyik: Dar al-Fayha'.
- al-Qādī 'Iyād, ' . M. (1998). *Ikmāl al-Mu 'lim bi-Fawā'id Muslim* (Sunt. Y. Ismail. Ed. 1. Jil. 8). Mesir: Dar al-Wafa'
- al-Qurṭubī, A. U. (1996). *al-Mufhim Li-Mā Ashkala min Talkhīş Kitāb Muslim* (Sunt. M. D. Misto, A. M. A. Sayyid, Y. A. Badiyu, & M. I. Bazal. Ed. 1. Jil. 7). Damsyik: Dar Ibnu Kathir.
- al-Raysūnī, A. (2015). *Nazariyyah al-Maqāşid 'inda al-Imām al-Shātibi* (Ed. 5). Kaherah: Dar al-Kalimah.
- al-Sakhāwī, M. A. R. (1985). *al-Maqāşid al-Ḥasanah fī Bayān Kathīr min al-Aḥādīth al-Mushtahirah 'ala al-Asinah* (Sunt. M. O. al-Khashath). Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- al-Shātībī, I. B. M. (2011). *al-Muwāfaqāt fī Uşul al-Sharī'ah* (Sunt. A. A. al-Dimyāṭī Ed. 1. Jil. 4). Kaherah: Dar al-Ghad al-Jadid.
- al-Zarkashī, M. A. (1986). *al-Tazkirah fī al-Aḥādīth al-Mushtahirah* (Sunt. M. A. K. Atha. Ed. 1). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ali, S. H. (2008). *The Malays: Their Problems and Future*. Selangor: The Other Press.
- Alkhan, A. M., & Hassan, M. K. (2021). Does Islamic microfinance serve maqāsid al-shari'a? *Borsa Istanbul Review*, 21(1), 57-68. doi:<https://doi.org/10.1016/j.bir.2020.07.002>
- Bhuiyan, A. B., Siwar, C., Ismail, A. G., & Omar, N. (2017a). The Experiences of The Grameen And Islami Bank Microfinance on The Poverty Alleviation in Bangladesh. *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, 13(3), 64–81.
- Bielefeldt, H. (2015). *Report of the Special Rapporteur on Freedom of Religion or Belief*. Retrieved from United Nations Human Rights Office of the High Commissioner: <https://undocs.org/A/HRC/31/18>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101. doi:10.1191/1478088706qp063oa
- Desai, M. (2014). *The Paradigm of International Social Development: Ideologies, Development Systems and Policy Approaches* (Ed. 1). New York: Routledge.
- Habib, M., & Jubb, C. (2015). Poverty Alleviation with Microfinance: Bangladesh Evidence. Dalam A. Heshmat, E. Maasoumi, & G. Wan (Sunt.), *Poverty Reduction Policies and Practices in Developing Asia* (h. 11–30). Singapore: Springer.
- Hasan, Z. (2016). From legalism to value-oriented Islamic finance practices. *Humanomics*, 32(4), 437-458. doi:10.1108/H-07-2016-0051
- Hassan, M. K., Kayed, R. N., & Oseni, U. A. (2013). *Introduction to Islamic Banking & Finance: Principles and Practice* (Ed. 1). Edinburgh: Pearson Education Limited.

- Hatta, Z. A., & Ali, I. (2013). Poverty Reduction Policies in Malaysia: Trends, Strategies and Challenges. *Asian Culture and History*, 5(2), 48–56.
- Hussain, M., & Shirazi, N. S. (1995). An Analysis of Pakistan's Poverty Problem from an Islamic Perspective. *The Pakistan Development Review*, 34(4), 857-864.
- Ibnu Hibbān, M. Ḥ. (1993). *al-Iḥsān fī Taqrīb Ṣaḥīḥ Ibnu Hibbān* (Sunt. S. al-Arnaūṭ. Ed. 2. Jil. 3). Beirut: Mu'asasat al-Risalah.
- Jahangir, A. (2010). *Elimination of All Forms of Religious Intolerance*. Retrieved from United Nations Human Rights Office of the High Commissioner: <https://undocs.org/A/65/207>
- Karlan, D., & Goldberg, N. (2011). Microfinance Evaluation Strategies: Notes and Methodology and Findings. Dalam B. Armendariz & M. Labie (Sunt.), *The Handbook of Microfinance* (h. 17-58). Singapore: World Scientific Publishing Co. Pte. Ltd.
- Kazemian, S., Rahman, R. A., & Ibrahim, Z. (2014). Measuring level of market orientation for an Islamic microfinance institution case study of Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). *Qualitative Research in Financial Markets*, 6(3), 258-277. doi:10.1108/QRFM-08-2013-0026
- Khalid, M. A. (2014). *The Colour of Inequality: Ethnicity, Class, Income and Wealth in Malaysia*. Kuala Lumpur: MPH Publishing.
- Khan, A. A. (2009). *Islamic Microfinance: Theory, Policy and Practice*. Birmingham: Islamic Relief Worldwide.
- Khavul, S. (2010). Microfinance: Creating Opportunities for the Poor? *Academy of Management Perspectives*, 24(3), 58–72.
- Kiiru, J. M. M. (2007). Microfinance: Getting Money To the Poor or Making Money Out Of the Poor? *Finance & Bien Commun*, 2(2), 64-73. doi:10.3917/fbc.027.0064
- Ledgerwood, J. (2000). *Microfinance Handbook: An Institutional and Financial Perspective* Washington: The World Bank.
- Mason, C., Azmi, W. N. W., & Madden, R. (2015). Aiming for Greater Financial Inclusion through Sustainable Development: The Story of AIM (Amanah Ikhtiar Malaysia): Asian Institute of Finance.
- Maulana, H., Razak, D. A., & Adeyemi, A. A. (2018). Factors influencing behaviour to participate in Islamic microfinance. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 11(1), 109-130. doi:10.1108/IMEFM-05-2017-0134
- Mayer, A. E. (1985). Islamic Banking and Credit Policies in the Sadat Era: The Social Origins of Islamic Banking in Egypt. *Arab Law Quarterly*, 1(1), 32-50. doi:10.2307/3381671
- Mazibisa, R. D. (2013). Causes and implications of apostasy in the West Zimbabwe conference of the Seventh-Day Adventist Church, 1998-2008. (Doctor of Philosophy), University of South Africa, Pretoria.

- Mohd. Yusof, F., Timmiati, S. M., Nordin, N. R., Ruskam, A., Suratman, A. S., & Ripin, M. N. (2008). Kaedah penyelesaian dalam menangani pertukaran agama di kalangan masyarakat Melayu- Islam di Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Diambil daripada Univeriti Teknologi Malaysia: <https://core.ac.uk/download/pdf/11783805.pdf>
- Obaidullah, M., & Khan, T. (2008). *Islamic Microfinance Development: Challenges and Initiatives*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- Ogunleye, A. G., & Esther, A. B. (2014). Are Microfinance Banks Important in Deposit Mobilisation in Nigeria? *Research Journal of Finance and Accounting*, 5(9), 53–58.
- Otero, M. (1999). Bringing Development Back, Into Microfinance. *Journal of Microfinance*, 1(1), 1–10.
- Rauf, I. F. A. (2015). *Defining Islamic Statehood Measuring and Indexing Contemporary Muslim States*. England: Palgrave Macmillan.
- Rosly, S. A. (2010). Shariah Parameters Reconsidered. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 3(2), 132–146.
- Saad, N. M., & Anuar, A. (2010). Cash Waqf and Islamic Microfinance: Untapped Economic Opportunities. *Islam and Civilisational Renewal (ICR)*, 1(2), 337–354.
- Saari, M. Y., Rahman, M. A. A., Hassan, A., & Habibullah, M. S. (2016). Estimating the Impact of Minimum Wages on Poverty across Ethnic Groups in Malaysia. *Economic Modelling*, 54, 490–502. doi:10.1016/j.econmod.2016.01.028
- Salleh, A. B. M., Noor, A. H. B. M., Bahrom, H. B., Ridzuan, A. R., & Zainol, N. F. B. (2013, 7-8 December). *Establishing Human Well-Being Framework Based on Maqasid Al-Shariah Principles*. Kertas kerja dibentangkan di the 2<sup>nd</sup> Applied International Business Conference 2013, Labuan School of International Business and Finance, University Malaysia Sabah.
- Shubber, K. (2011). Islamic finance and microfinance. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 4(1). doi:10.1108/imefm.2011.35204aaa.002
- Sultan, H. (2012). Islamic Microfinance: Between Commercial Viability and the Higher Objectives of Shari'a. Dalam S. N. Ali (Sunt.), *Shari'a Compliant Microfinance* (Ed. 1, h. 46–58). New York: Routledge.
- Thaidi, H. A. A. (2018). *How Can Maqāsid al-Sharī'ah Contribute to the Development of Islamic Microfinance? A Study of the Theory and its Application in Practice by Amanah Ikhtiar Malaysia*. (Doktor of Falsafah), University of Aberdeen, Aberdeen.
- Thillainathan, R., & Cheong, K.-C. (2016). Malaysia's New Economic Policy, Growth and Distribution: Revisiting the Debate. *Malaysian Journal of Economic Studies*, 53(1), 51–68.

- Toynbee, A. J. (1958). *A Study of History* (Sunt. D. C. Somervell. Jil. 1 & 2). London: Oxford University Press.
- Wahid, A. N. M. (1994). The Grameen Bank and Poverty Alleviation in Bangladesh: Theory, Evidence and Limitations. *The American Journal of Economics and Sociology*, 53(1), 1–15.
- Walters, B. (2012). Islamic Microfinance: Sustainable Poverty for the Muslim Poor. *Connecticut Public Interest Law Journal*, 11(2), 256–195.
- Westover, J. H. (2010). The Impact of Microfinance Programmes on Poverty Reduction. *Spanda Journal*, 1(2), 25–28.
- Zainuddin al-'Irāqī, A. R. A. H. (2005). *al-Mughnī 'an Ḥaml al-Aṣfār fī al-Aṣfār* (1 ed.). Beirut: Dar Ibnu Hazm.